

**Dana RM170 juta dipulangkan kepada SRC International, kata Najib Malaysian Insider
March 9, 2016
Oleh Mohd Farhan Darwis**

Pembayaran RM170 juta kepada Syarikat Putra Perdana Construction untuk projek pembinaan "turnkey" sudah dipulangkan kepada SRC International, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat hari ini berkata, beliau yang juga menteri kewangan berkata, dana RM170 juta itu bertujuan untuk pembayaran projek tersebut tetapi ia kemudiannya dibatalkan.

"Untuk makluman Yang Berhormat, RM170 juta dibayar kepada Syarikat Putra Perdana Construction adalah bagi tujuan pembayaran projek pembinaan 'turnkey' yang mana kemudiannya dibatalkan dan wang tersebut dipulangkan sepenuhnya kepada SRC," kata Najib yang juga menteri kewangan.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua yang meminta menteri kewangan menyatakan tujuan SRC International membuat pembayaran sebanyak RM170 juta antara 8 Julai dan 8 Ogos 2014 kepada Syarikat Putra Perdana Construction.

Wakil rakyat DAP itu turut bertanya mengapakah RM27 juta daripada jumlah itu disalurkan ke akaun bank Najib.

Najib dalam jawapan itu bagaimanapun berkata, SRC tidak mempunyai maklumat berkenaan perkara itu sebaliknya mempertikai laporan tersebut oleh sebuah portal berita.

"SRC tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan isu penyaluran wang ke akaun menteri kewangan dan ia juga adalah berdasarkan laporan berita sebuah portal tidak dapat ditentukan kesahihan sumbernya.

"Sehubungan itu, di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1) (i), perkara ini tidak perlu dijawab kerana ia adalah satu pertanyaan yang memberi penerangan berkenaan perkara di dalam surat khabar," katanya. – 9 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/dana-rm170-juta-dipulangkan-kepada-src-international-kata-najib>